



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUM BALAS MEDIA

PNEBUSAN AWAL GANTIAN CUTI REHAT (GCR) SEBANYAK 75 HARI UNTUK GANJARAN WANG TUNAI BAGI PENJAWAT AWAM YANG TELAH BERKHIDMAT SEKURANG-KURANGNYA 15 TAHUN

Putrajaya – Pemberian ganjaran wang tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) adalah tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Pencen 1980. Ia merupakan salah satu faedah yang akan diberikan kepada penjawat awam apabila bersara kelak.

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ingin menjelaskan bahawa **PNEBUSAN AWAL GANTIAN CUTI REHAT (GCR) SEBANYAK 75 HARI UNTUK GANJARAN WANG TUNAI BAGI PENJAWAT AWAM YANG TELAH BERKHIDMAT SEKURANG-KURANGNYA 15 TAHUN** yang diumumkan pada pembentangan Belanjawan 2020 memerlukan pindaan ke atas peraturan yang berkaitan di dalam Peraturan-Peraturan Pencen 1980. Pindaan ke atas Peraturan-Peraturan Pencen 1980 seperti yang dinyatakan perlu diselesaikan terlebih dahulu agar pelaksanaan perkara ini adalah teratur mengikut undang-undang yang berkuat kuasa.

Pengumuman penebusan awal GCR akan dikeluarkan dan dimaklumkan kepada umum melalui surat Pekeliling Perkhidmatan yang akan diedarkan kepada semua Kementerian/ Jabatan/ Agensi kerajaan.

#####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 6 Februari 2020
Tel : 03 - 8885 3096/ 3146/ 3088
Emel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 (79)